

Kajian Peningkatan Keberkesanan Penerapan Nilai Melalui Penyoalan OSI dan Socratic

Mohamad Shalleh Bin Suja'ee

mohamad_shalleh_bin_sujaee@moe.edu.sg

Noranika Murni Dol Karim

Sekolah Menengah Compassvale
noranika_murni_dol_karim@moe.edu.sg

Abstrak

Pembelajaran melalui penyoalan merupakan pendekatan yang sering disarankan dalam pembelajaran nilai. Namun, keberkesanan penggunaan pendekatan ini banyak bergantung kepada kesungguhan dan kesabaran guru dalam membimbing perbincangan yang adakalanya memerlukan banyak pusingan sebelum pelajar dapat meneroka sesuatu nilai dengan mendalam. Oleh yang demikian, timbul pertanyaan bagaimana jika peranan guru bertanyakan soalan ini diberikan kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan pembelajaran alternatif bagi meningkatkan keberkesanan penerapan nilai dalam membina kemahiran bertutur pelajar menengah 3 Ekspress dengan pelajar sendiri yang mengendalikan sendiri penyoalan Clarifying *Sensitizing Influence* (CSI) dan penyoalan Socratic. Kajian ini mahu meninjau sejauh mana isi pertuturan pelajar menunjukkan perbincangan yang mendalam bagi latihan bertutur. Apakah terdapat perbezaan yang ketara bagi pelajar yang menggunakan penyoalan CSI berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan penyoalan CSI. Kajian ini juga meneroka subjektiviti pelajar semasa mereka mengendalikan sendiri penyoalan Socratic berbanding dengan penyoalan CSI.

Kata kunci

Pembelajaran Melalui Penyoalan, Penyoalan Melalui
Kaedah CSI dan *Socratic*

PENGENALAN

Pembelajaran melalui penyoalan merupakan pendekatan yang sering disarankan dalam pembelajaran nilai. Pendekatan ini tidak mudah dilaksanakan kerana keberkesannya memerlukan beberapa pusingan perbincangan sebelum pelajar dapat meneroka sesuatu nilai dengan mendalam. Hal ini hanya boleh berlaku jika guru mempunyai kesungguhan dan kesabaran untuk terus membimbing perbincangan.

Oleh itu, pembelajaran nilai bukan sahaja melibatkan proses memahami dan menerima sahaja apa yang diajar tetapi merupakan proses yang kompleks yang memerlukan pelajar menganalisis dan mengukur aplikasi nilai dalam pelbagai konteks yang berbeza. Justeru, membina minat intrinsik pelajar untuk meneroka sesuatu nilai dengan mendalam adalah penting. Kajian ini dilaksanakan dan pelajar mengendalikan sendiri penyoalan *Clarifying Sensitizing Influence* (CSI) dan *Socratic* bagi meningkatkan keberkesanan penerapan nilai. Kajian ini juga merupakan satu usaha intervensi bagi membantu membina kemahiran bertutur pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Penerapan nilai dalam membina kemahiran bertutur pelajar biasanya melibatkan guru bertanyakan pelajar beberapa soalan secara lisan. Melalui kaedah ini penyoalan guru biasanya melibatkan soalan-soalan yang mempunyai tahap kognitif yang terhad dan berpihak kepada segolongan besar pelajar. Selain itu, cara soalan yang disampaikan lebih mengarah kepada format jawapan yang mengundang jawapan pendek ataupun berbentuk ya atau tidak. Ketika mendapatkan maklum balas pelajar, guru sering tidak memberikan pelajar ruang yang cukup untuk menjawab dan kerap memilih untuk menjawab soalnya sendiri.

Dalam memproses memberikan maklum balas kepada pelajar, guru jarang sekali membina dan mengukuhkan jawapan yang betul. Ini berlaku kerana guru tidak menilai dengan mendalam dan meneliti respons pelajar. Hasil daripada masalah-masalah yang tertera di atas, jarang sekali dapat kita lihat perbincangan berlangsung untuk beberapa kitaran bagi pelajar meneroka sesuatu nilai dengan mendalam apabila guru mengendalikan penyoalan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. untuk membuat perbandingan reaksi dan pelibatan pelajar dalam tiga pusingan kajian;
2. untuk membuat perbandingan isi pertuturan pelajar bagi latihan bertutur dengan mengendalikan sendiri penyoalan (CSI); dan
3. untuk membuat perbandingan isi pertuturan pelajar bagi latihan bertutur dengan mengendalikan sendiri penyoalan Socratic dengan penyoalan CSI.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Rosenshine, Meister dan Chapman (1996) yang mengulas beberapa kajian intervensi yang melibatkan pelajar. Pelajar yang dididik untuk menjana soalan didapati menunjukkan peningkatan dalam kefahaman pelajar pada bahan bacaan yang diberikan.

Kelebihan pelajar mengendalikan soalan secara sendiri juga menjangkau lebih daripada kemahiran memahami. Menurut Chin dan Brown (2010), pendekatan ini apabila diusahakan dalam kelas Sains berupaya untuk menghasilkan soalan-soalan 'wonderment' atau yang menakjubkan daripada pelajar. Soalan-soalan sedemikian menurut mereka bersifat bukan sahaja kefahaman, malah ramalan, pengesanan anomali, aplikasi dan perancangan yang berupaya membawa pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam.

Dalam pembelajaran nilai, pastinya terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh guru. Akan tetapi, Schuitema, Dam dan Veugelers (2008) yang mengulas kajian mengenai strategi pengajaran untuk pembelajaran nilai di sekolah menengah dari tahun 1995 hingga 2003, mendapati bahawa strategi popular yang digunakan adalah pendekatan berasaskan masalah (*problem-based approach*) dengan membentuk pelajar dalam kumpulan kecil. Menurut mereka, pendekatan ini menggalakkan pelajar mengajukan soalan dan berusaha bersama-sama untuk mencari jawapan bagi meleraikan permasalahan mereka.

Berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan pembelajaran yang melibatkan pelajar mengendalikan sendiri penyoalan merupakan sesuatu perkara yang harus dititikberatkan oleh guru bagi memastikan peningkatan kefahaman dan melatih pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam.

Guru juga harus menggunakan pendekatan ini dalam pembelajaran nilai untuk menjana keberkesanan penerapan nilai dalam diri pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Pengajaran (*Lesson Study*) yang merangkumi analisis data daripada tiga kitaran kajian. Data dianalisis secara kualitatif untuk menyokong dapatan kajian.

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini melibatkan 10 orang pelajar menengah 3 Ekspres Bahasa Melayu. Pemilihan ini dilakukan dengan mengambil kira profil kemahiran berbahasa pelajar. Profil secara keseluruhan, kumpulan pelajar ini tidak mendapat markah kepujian untuk peperiksaan Bahasa Melayu sewaktu berada di menengah dua. Mereka mempunyai kemampuan berbahasa dan kosa kata yang terbatas dan tidak mempunyai keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar. Oleh itu, aktiviti kemahiran bertutur merupakan sesuatu yang dianggap mencabar oleh para pelajar.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan teknik penyoalan CSI dan penyoalan *Socratic*. Tidak seperti teknik penyoalan *Socratic* yang lebih popular dalam kalangan guru, teknik penyoalan CSI perlu dijelaskan. Teknik CSI mengandungi tiga kategori soalan. Pertama, C merupakan soalan-soalan yang bersifat mendapatkan penjelasan (*C-Clarifying questions*). Kedua, S merupakan soalan-soalan yang bersifat memberikan kesedaran (*S-Sensitizing questions*), dan yang terakhir sekali, I merupakan soalan-soalan yang bersifat mempengaruhi pendirian (*I-Influence questions*). Tiga latihan kemahiran bertutur dijalankan di kelas. Guru membuat pemantauan dan membuat perbandingan hasil isi pertuturan pelajar daripada ketiga-tiga latihan tersebut.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini dikendalikan selama dua minggu pada penggal pertama 2014. Tema pembelajaran adalah mengenai hubungan jiran. Bahan-bahan yang digunakan dalam pelajaran ini merupakan petikan artikel bertajuk Singapore's *'anti-Chinese*

curry war' yang dipetik daripada akhbar dalam talian The Telegraph, dan video bertajuk *Who moved my curry (The curry controversy Pt 2)* daripada RAZORTV yang mengulas peristiwa yang dilaporkan dalam petikan tersebut.

Kegiatan dalam ketiga-tiga pusingan sengaja dibezakan untuk mencapai objektif kajian. Dalam pusingan pertama, guru bertanyakan pelajar beberapa soalan rangsangan yang berbentuk soalan tertutup, soalan terbuka, soalan berpandu, soalan retorik dan soalan corong. Dalam pusingan kedua pelajar diminta untuk bekerjasama dalam kumpulan tiga hingga empat orang untuk melakonkan satu sketsa. Sketsa itu memaparkan usaha seorang kaunselor yang berjaya meleraikan perbalahan antara dua orang jiran yang saling tuduh-menuduh antara satu sama lain. Kaunselor tersebut berjaya menggunakan teknik penyzoalan CSI dengan baik ketika berinteraksi dengan kedua-dua jiran tersebut. Pusingan ketiga menurus kepada sesi temu duga di mana setiap kumpulan akan diajukan soalan-soalan Socratic oleh ahli kumpulan lain untuk mendapatkan penjelasan mengenai sketsa mereka.

Bagi memantau keberkesanan penerapan nilai di kalangan pelajar melalui pembelajaran di mana pelajar mengendalikan sendiri pertanyaan CSI dan Socratic, guru membuat perbandingan isi pertuturan pelajar dalam ketiga-tiga pusingan di atas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kitaran pengajaran yang pertama, pelajar secara keseluruhannya agak pasif dan hanya menjawab soalan apabila guru menyebut nama mereka. Walaupun ada beberapa orang pelajar cuba untuk memberikan penjelasan, kosa kata yang terhad menyebabkan ramai memilih untuk memberikan jawapan yang berbentuk sahaja. Adakalanya guru terpaksa menunggu lebih daripada sepuluh saat sebelum akhirnya menjawab sendiri soalnya atau cuba untuk mempermudah soalan. Sungguhpun soalan telah dipermudahkan, kesediaan pelajar masih berkurangan. Oleh yang demikian, isi daripada pertuturan pelajar bersifat luaran ataupun superfisial, dan tidak meneroka dengan mendalam nilai yang diajar.

Dapatan semasa pengajaran kitaran yang kedua, semua pelajar mengambil bahagian secara aktif. Walaupun tiada sesiapa yang dipilih oleh guru sebagai ketua kumpulan, pelajar bekerjasama dengan baik dan membawa kepada pemilihan secara tidak langsung seorang ketua kumpulan. Pelajar didapati dapat menerima dan melaksanakan arahan dalam perbincangan masing-masing.

Sebahagian besar perbincangan berlaku dalam bahasa Inggeris. Perkara ini berlaku disebabkan oleh keterbatasan kosa kata pelajar. Ketika menulis skrip, mereka akan berbincang sesama mereka kosa kata yang sesuai sebelum akhirnya bertanya guru untuk mendapatkan bantuan.

Apabila isi pertuturan sketsa pelajar dianalisis, pengkaji mendapati penggunaan soalan-soalan CSI digunakan pelajar untuk meneroka nilai secara mendalam jika dibandingkan dengan isi pertuturan mereka dalam aktiviti kitaran pertama kajian. Namun, kelihatan jelas usaha pelajar untuk meleraikan perbalahan antara dua jiran yang saling tuduh-menuduh itu terlalu ringkas dan mudah, seolah-olah kedua-dua jiran itu mudah untuk diyakinkan bahawa perbuatan mereka itu salah. Ini berlaku dalam soalan-soalan yang bersifat kesedaran atau '*sensitizing*' dan soalan-soalan yang bersifat mempengaruhi pemikiran atau '*influence questions*'. Pengkaji mendapati, adalah lebih wajar soalan-soalan ini dipelbagaikan dan dijalankan dalam beberapa pusingan. Akan tetapi, dua daripada tiga kumpulan pelajar memilih untuk menonjolkan satu pusingan sahaja dalam usaha untuk meyakinkan kedua-dua orang jiran tersebut.

Dalam kitaran ketiga, keupayaan pelajar untuk melahirkan dan menjawab soalan-soalan *Socratic* dicabar. Pelajar masih memerlukan bimbingan guru untuk menghasilkan soalan-soalan *Socratic*. Ada ketikanya mereka kelihatan seperti berputus asa dan guru perlu terus membimbing dan mendorong mereka. Kesukaran yang mereka hadapi tidak berhenti di situ sahaja. Ketika menjawab soalan-soalan *Socratic* yang diajukan oleh ahli kumpulan lain tentang sketsa mereka, mereka mengambil masa sekurang-kurangnya hampir sepuluh saat untuk menjawabnya. Pada awalnya jawapan mereka tersekat-sekat. Akan tetapi, selang beberapa ketika mereka mula bertutur dengan lancar walaupun dengan kosa kata yang terhad. Mungkin apabila isi pertuturan ada kaitan dengan pengalaman peribadi pelajar, mereka mudah untuk berbicara walaupun dengan kosa kata yang terhad.

Pertuturan pelajar mudah berkembang kepada beberapa cabang isi yang meneroka ke dalam subjektiviti mereka. Ada ketikanya mereka memilih untuk tidak meneruskan pertuturan mereka. Ini berlaku apabila isi pertuturan menjangkau ruang peribadi yang tidak ingin mereka kongsi di khalayak ramai. Akan tetapi, pastinya apabila pertanyaan *Socratic* digunakan dan dikendalikan sendiri oleh pelajar, mereka berpeluang untuk meneroka dan menilai kembali andaian dan nilai yang menjadi pegangan mereka sebelum menerima sesuatu maklumat yang baru.

Dapatan kualitatif yang dijelaskan di atas ternyata selaras dengan pandangan Chin dan Brown (2010) serta Schuitema, Dam dan Veugelers (2008). Pertama, terdapat perbezaan reaksi dan penglibatan pelajar dalam ketiga-tiga kitaran kajian. Pembelajaran aktif berlaku apabila pelajar mengendalikan sendiri pertanyaan yang membawa kepada terbinanya minat intrinsik pelajar untuk meneroka nilai yang diajar. Namun, kemahiran membina soalan Socratic memang mencabar jika sebelum ini pelajar belum dilatih. Oleh itu, beberapa latihan membina soalan Socratic perlu dilakukan sebelum kegiatan pusingan ketiga dijalankan. Kedua, isi pertuturan pelajar yang mengendalikan sendiri pertanyaan CSI menunjukkan perbincangan yang mendalam berbanding dengan tanpa menggunakannya. Namun, guru perlu menetapkan kriteria tambahan dalam tugas supaya huraian permasalahan tidak terlalu ringkas dan mudah. Sebagai contoh, pelajar boleh diminta untuk mempelbagaikan soalan-soalan yang bersifat kesedaran atau *sensitizing* dan mempengaruhi pemikiran atau *influence questions* dan menjalankannya dalam beberapa pusingan untuk menghuraikan permasalahan yang diberi. Ketiga, isi pertuturan pelajar semasa mengendalikan sendiri pertanyaan *Socratic* menunjukkan keupayaan metakognitif mereka untuk meneroka ke dalam subjektiviti mereka. Untuk membantu pelajar agar selesa untuk meneroka dan menilai kembali andaian dan nilai yang mereka pegang, sebahagian aktiviti dalam pusingan ketiga boleh dijalankan dengan pelajar menulis refleksi secara peribadi.

KESIMPULAN

Dengan memberikan pelajar peluang mengendalikan sendiri penysoalan CSI dan penysoalan *Socratic*, guru berupaya membina minat intrinsik pelajar untuk meneroka nilai yang diajar bagi membawa kepada pembelajaran yang aktif. Di samping itu, pelajar mampu untuk menjana perbincangan nilai yang mendalam dan membina keupayaan metakognitif dengan meneroka ke dalam subjektiviti mereka. Namun, setiap pelaksanaan pembelajaran biasanya boleh terus diperbaiki dengan mengambil kira konteks yang pelbagai.

Oleh itu, guru harus terus aktif memantau untuk mengenal pasti pembaikan yang boleh dilakukan agar penerapan nilai akan menjadi lebih berkesan dan bererti dalam pembelajaran nilai.

Nota

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Lila Salleh
2. Nur Maizurah Roslee

RUJUKAN

- Chin, C., & Brown, D. E. (2010). Student-generated questions: A meaningful aspect of learning in science. *International Journal of Science Education*, 24(5), 521-549.
- Rosenshine, B., Meister, C., & Chapman, S. (1996). Teaching students to generate Questions: A review of the intervention studies. *Review of Educational Research Summer*, 66, 181-221.
- Schuitema, J., Dam, G., & Veugelers, W. (2008). Teaching strategies for moral education: A review. *Journal of Curriculum Studies*, 40(1), 69-89.